

Newspaper : Berita Harian
Date : 25th December 2013
Title : UEMC-Bina Puri jamin siapkan pakej kerja terminal KLIA2
Section : Ekonomi Page : 1

Bina Puri Holdings Bhd
(207184-X)

UEMC-Bina Puri jamin siapkan pakej kerja terminal KLIA2

UEMC-Bina Puri JV, syarikat usaha sama antara anak syarikat UEM Group, UEM Construction Sdn Bhd (UEMC) dengan Bina Puri Holdings Bhd memberi jaminan akan menyiapkan pakej kerja terminal KLIA2 dalam tempoh yang ditetapkan bagi membolehkan lapangan terbang tambang murah itu memulakan operasi pada Mei tahun depan.

Pengarah Urusan UEM Builders Bhd, Mohd Razin Ghazali, berkata syarikat usaha sama itu kini sedang bekerja keras bagi memastikan pakej kerja pembinaan lapangan terbang tambang murah itu disiapkan mengikut jadual.

Beliau berkata, pihaknya juga berharap dapat memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada 31 Januari 2014 dengan kerjasama pihak berkepentingan seperti Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), perunding projek dan pihak berkuasa lain.

Di samping memastikan kerja pembinaan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, Mohd Razin berkata, syarikatnya juga memberi jaminan bahawa keselamatan, kualiti dan keberkesanan operasi lapangan terbang baru itu tidak akan diabaikan.

Hadapi pelbagai cabaran

Pengarah Eksekutif Kumpulan Bina Puri Holdings Bhd, Matthew Tee pula berkata, walaupun menghadapi pelbagai cabaran, syarikat konsortium itu kini sedang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menepati tempoh akhir CCC dan proses Persediaan Operasi dan Pindahan Lapangan Terbang (ORAT) dapat dimulakan pada 1 Februari 2014.

“Kami mendapat kerjasama yang baik dari semua pihak dan berharap ia akan berterusan sehingga bulan depan,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam.

UEMC-Bina Puri JV diberikan kontrak kerja itu oleh MAHB untuk membina bangunan terminal utama, bangunan satelit, jambatan udara dan jeti terminal KLIA2 bernilai RM997 juta.

Pakej kerja itu adalah satu daripada 32 pakej yang diberikan MAHB kepada beberapa syarikat lain pada awal pembinaan lapangan terbang tambang murah itu.

MAHB menetap sasaran untuk KLIA2 memulakan operasi pada 2 Mei, 2014, berikutan kegagalan penyiapannya pada 30 April lalu. Terminal itu pada asalnya dijadual dibuka pada 28 Jun lalu.

From : Group Corp
Date : 25th Decem
Subject : Bina Puri Ne